

**TEKS UCAPAN**  
**BRIGEDIER JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UniMAP**  
**SEMPENA**  
**PROGRAM FINISHING SCHOOL**  
**PELAJAR TAHUN AKHIR DIPLOMA KEJURUTERAAN**  
**PADA 7 APRIL 2010 DI DEWAN SEBERANG RAMAI, KUALA**  
**PERLIS.**

Bismillah hirrahman nirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan salam sejahtera.

Y.Bhg. Prof Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP,

Y.Bhg. Prof Dr. Sazali Yaakob, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan, Ketua-Ketua Jabatan, Timbalan Dekan, Pengerusi Rancangan

Pelajar tahun akhir Diploma yang diraikan, wakil-wakil media, seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan keizinanNya dapatlah kita bersama-sama bertemu dan bermesra dalam Program "Finishing School" yang dianjurkan kali kedua bagi meraikan pelajar-pelajar tahun akhir program Diploma yang bakal menamatkan pengajian pada Mei ini dan akan bergraduat pada Ogos tahun ini. Semoga penganjuran majlis seumpama ini akan mendedahkan kepada para pelajar pelbagai ilmu baru dalam mempersiapkan diri sebagai lulusan Diploma UniMAP.

Ladies and Gentlemen,

It is a great pleasure to see all of you here today, at this event, Finishing School Program after a few months of struggle to complete your industrial training. As you all know, this program is organized by UniMAP for the second time, as a final retouch to all the final year Diploma programme students before going off to the industrial arena.

Looking at the program closer, it is hoped that the students would capture the gist of the activities prepared and would put the knowledge into good use when the real time comes.

Again, the success of this program would not have been possible without valued support from everybody involved. I

would like to take this opportunity to thank the committee for making this program possible.

Dear my all Student,

It was great to have you as students  
You made my job worthwhile  
I looked forward to every day  
With anticipation and a smile!  
You made my job rewarding  
In each and every sense  
With students like you  
Classes were far from boring!  
Now it's time to say goodbye  
What more can I say  
Other than that I shall miss you all  
Cos you brightened up my days.

Hadirin Sekalian,

Program Finishing School ini yang mempunyai kombinasi taklimat, perbentangan dan latihan secara berkumpulan diadakan sebagai persediaan kepada pembangunan kerjaya bagi pelajar tahun akhir program Diploma UniMAP. Program ini merupakan anjuran bersama Pusat Kerjasama Industri

(CIC) dan juga Unit Penyelarasan Program Diploma UniMAP secara asasnya adalah untuk membantu pelajar memahami konsep dan membuat persediaan dalam menghadapi temuduga.

Selain itu, melalui program ini juga UniMAP mahu memberi pendedahan dan persiapan kepada para pelajar untuk melalui fasa perubahan dari alam siswa kepada alam pekerjaan, menerap keyakinan dan hala tuju selain meningkatkan momentum para pelajar Diploma kita untuk pembangunan insan yang seimbang dan cemerlang bagi memenuhi misi dan visi UniMAP.

Walaupun program ini bertujuan membantu para pelajar untuk menghadapi alam pekerjaan tetapi di sini saya ingin menasihatkan anda mengenai cabaran kini. Dewasa kini, pengajian peringkat Diploma sahaja tidak akan menjamin kejayaan untuk mendapat tempat di pasaran pekerjaan. Saya pasti anda juga sedar akan hakikat ini.

Hadirin sekalian,

**Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memperkenalkan barisan perunding kita yang didatangkan khas dari Career Exceel iaitu En. Mohd Zaidi Mahidin, En. Nasir Hamdi, Cik Roshini**

**Muniandy, dan Cik Iman Fairuza. Tidak ketinggalan Cik Wan Zurina Wan Isa dari I-Ridhha Technology dan mereka inilah yang akan bersama anda selama beberapa hari ini bagi membantu anda dalam membuat persiapan selepas bergraduasi kelak. Bagi tepukan yang gemuruh buat jurulatih anda sekalian.**

Dalam pada itu, saya ingin menyeru kepada para pelajar sekalian agar tidak mudah berpuas hati dengan kejayaan anda. Janganlah hanya berpuas hati sekadar bergelar pemegang diploma sedangkan ramai lagi rakan anda yang telahpun mempunyai ijazah dan akan menyambung pengajian di peringkat master dan PhD.

Untuk pengetahuan anda sekalian, pada tahun lepas seramai 253 pelajar diploma telah bergraduasi pada Istiadat Konvokesyen ke - 4 Universiti Malaysia Perlis. Hanya 19 peratus sahaja yang memilih untuk bekerja namun sebanyak 81 peratus pelajar diploma UniMAP memilih untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda sama ada di UniMAP ataupun di IPTA yang lain.

Semua ini bergantung kepada kehendak kita masing-masing. Tetapi sebagai Naib Cnaselor UniMAP, saya menggalakkan semua pelajar saya untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Pilihlah mana-mana universiti

yang dirasakan sesuai tetapi sudah semestinya saya juga mengharapkan bahawa anda akan memilih UniMAP sebagai menara gading pilihan anda setelah anda memulakan kehidupan sebagai seorang pelajar IPT di sini.

Adakah anda sanggup melihat mereka yang pernah menjadi rakan sepermainan anda semasa di sekolah menjadi bos anda di tempat kerja sedangkan anda juga mempunyai kebolehan dan kelebihan yang sama seperti mereka. Apa yang membezakan adalah kehendak. Seperti kata pepatah, “Hendak Seribu daya, Tak hendak seribu dalih”. Kehendak itulah yang akan membawa anda ke mercu jaya.

Saya juga dimaklumkan bahawa seramai 238 pelajar diploma dari pelbagai bidang kejuruteraan UniMAP yang akan bergraduasi pada tahun ini. Tetapi di sini saya tidak mahu mengumumkan pelajar-pelajar yang mendapat CGPA yang cemerlang kerana pada saya, perjalanan hidup anda masih panjang dan saya mahu anda untuk menjadi sekurang-kurangnya pemegang ijazah sarjana muda kerana saya percaya kelayakan itu akan membantu anda untuk mendapat kehidupan yang lebih terjamin.

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada

penganjur program kerana berjaya menganjurkan program yang cukup bermakna ini.

Diharapkan program ini akan dapat membuka minda anda mendapat idea untuk terus berjaya dalam hidup dan pelajaran. Saya juga berharap agar pertemuan sesama anda setelah beberapa bulan berpisah kerana mengikuti Latihan Industri akan dijadikan sebagai kenangan yang terindah bagi anda memandangkan ia adalah majlis yang terakhir sebelum anda bergraduat. Manfaatkanlah program ini sebaiknya dan saya berdoa agar kita bersama-sama beroleh keberkatannya.

**Bunga mawar di tengah laman,  
Menjadi penyeri istana di Raja,  
Anda Pewaris tunggak kejayaan,  
Penentu kegemilangan Negara tercinta.**

Saya dengan lafaz Bismillah Hirrahman Nirrahim, dengan rasa sukacitanya merasmikan Program Finishing School Pelajar Tahun Akhir Diploma Kejuruteraan UniMAP.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabaraktuh.